

Guna sistem bayaran tanpa tunai

IPOH - Semua syarikat pengendali bas henti-henti dikehendaki menggunakan sepenuhnya sistem pembayaran tanpa tunai dalam perkhidmatan mereka. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, ia adalah antara syarat yang perlu dipatuhi syarikat pengendali bas terutama yang menerima subsidi agar selari dengan usaha kerajaan meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan negara. "Satu daripada syarat dalam perjanjian antara kerajaan dan syarikat pengendali bas yang menerima subsidi ialah mereka perlu menyediakan sistem pembayaran tanpa tunai. "Kita bagi tempoh tetapi tidaklah terlalu panjang dan harap mereka boleh gunakan sistem tersebut. Jika mereka tidak laksanakannya, maka kita akan lihat balik pemberian subsidi kepada syarikat berkenaan," katanya pada sidang media selepas melancarkan penggunaan sistem Touch 'n Go Perak Transit (myBAS) di Terminal Meru Raya di sini semalam.

Menurutnya, selain mengurangkan kos operasi dan memudahkan pengguna dalam urusan bayaran, pelaksanaan sistem tanpa tunai itu tidak memerlukan kos yang besar. Sebenarnya banyak syarikat tanpa tunai sedia bekerjasama dengan pihak pengendali bas untuk sama-sama melaksanakan sistem pembayaran ini. "Ia satu inisiatif yang baik. Tambahan pula kerajaan sedang berusaha untuk mentransformasikan ekonomi ke arah ekonomi digital," katanya. Anthony berkata, MyBAS Ipoh yang dikendalikan Perak Transit Berhad merupakan myBAS yang pertama di Malaysia menggunakan sistem tanpa tunai. Menurutnya, orang kurang upaya (OKU), warga emas dan pelajar tetap akan menikmati tambang separuh harga seperti bayaran secara tunai dengan menggunakan Kad Konsesi PT Touch 'n Go.

SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 8 | 17 JANUARI 2020